

SIARAN MEDIA

MEASAT melancarkan inisiatif KampungDigital365.com dengan Parcel365 bagi memacu ekonomi digital di kawasan luar bandar

Dikuasakan oleh jalur lebar satelit berkelajuan tinggi CONNECTme NOW, inisiatif ini membolehkan masyarakat luar bandar mengambil bahagian dalam ekonomi digital

Kuala Lumpur, 15 Julai 2023 – MEASAT Global Berhad (“MEASAT”) – Penyedia Perkhidmatan Jalur Lebar Luar Bandar Malaysia telah bekerjasama dengan Parcel365 Sdn Bhd dan M2B Services Sdn Bhd (secara kolektif “Parcel365”) bagi melancarkan inisiatif KampungDigital365.com untuk meningkatkan taraf hidup komuniti luar bandar menerusi aktiviti ekonomi digital. Majlis pelancaran yang dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato’ Sri Wan Rosdy Wan Ismail, diadakan pada hari ini di Pos Sinderut di Kuala Lipis, satu kawasan yang merangkumi kira-kira 14 perkampungan Orang Asli dengan jumlah populasi lebih 4,000 penduduk.

Majlis itu disaksikan oleh Timbalan Speaker Dewan Rakyat YB Dato’ Ramli Mohd Nor, merangkap Ahli Parlimen Cameron Highlands; Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan Dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, YB Fadzli Mohamad Kamal; Ahli Dewan Undangan Negeri Tanah Rata YB Ho Chi Yang; dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Sapiah Mohd Nor.

“Saya mengucapkan tahniah kepada MEASAT dan Parcel365 atas pelancaran KampungDigital365.com. Usaha seperti ini untuk menambahbaik akses komuniti luar bandar kepada ekonomi digital boleh dipuji dan selari dengan dasar kerajaan seperti Pelan Digital Pahang 2021-2025¹ yang menyasar untuk mewujudkan landskap sosioekonomi yang lebih inklusif. Kerajaan Negeri Pahang berbesar hati untuk memudahkan inisiatif yang boleh menyokong hala tuju transformasi digital negeri ini. Usaha oleh MEASAT dan Parcel365 ini adalah contoh baik bagaimana kita boleh membantu penduduk kampung di luar bandar menerima pakai pendigitalan dengan mengoptimumkan jalur lebar satelit, sokongan logistik dan latihan dalam komuniti. Dengan akses ekonomi digital yang lebih baik, penduduk luar bandar boleh mendapat sumber pendapatan, pendidikan dan hiburan baharu. Saya menggalakkan lebih ramai komuniti menerima model KampungDigital365.com ini,” kata Menteri Besar Pahang, YAB Dato’ Sri Wan Rosdy Wan Ismail.

Pameran KampungDigital365.com

Semasa pelancaran itu, lawatan di sekitar projek KampungDigital365.com memberi penjelasan bagaimana inisiatif tersebut boleh meningkatkan taraf kehidupan kira-kira 7 juta rakyat Malaysia² yang tinggal di kawasan luar bandar yang mana majoritinya terdiri daripada isi rumah berpendapatan rendah dalam golongan B40, dengan meningkatkan akses kepada ekonomi digital. Dengan membolehkan akses kepada e-Dagang, aliran pendapatan dan peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan untuk penduduk kampung menerusi perkhidmatan ketersambungan dan logistik yang disokong oleh MEASAT dan Parcel365. Sebagai pelengkap kepada penyelesaian dan sokongan platform perniagaan

¹ Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, Pelan Digital Pahang 2021-2025, <https://pkn.pahang.gov.my/index.php/en/penerbitan/pelan-digital-pahang>

² Jabatan Perangkaan Malaysia, 14 Februari 2022, Pelancaran Laporan mengenai Dapatan Utama Bancian Populasi dan Perumahan Malaysia 2020 <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/launching-of-report-on-the-key-findings-population-and-housing-census-of-malaysia-2020->

e-Dagang, Parcel365 menyediakan latihan keusahawanan dan bantuan pemasaran produk dalam talian menerusi platform Shopla365, bagi membantu penduduk kampung mengoptimalkan potensi ekonomi digital mereka. Program itu turut menyediakan sebuah pusat perkhidmatan yang dilengkapi dengan komputer, mesin pencetak dan peralatan ICT yang lain, serta bantuan secara peribadi daripada pengendali apabila diperlukan. Peti sejuk turut disediakan bagi memastikan barangan mudah rosak kekal segar, manakala stesen pengecasan solar dan bateri mudah alih juga disediakan untuk disewa oleh penduduk kampung agar peranti dan perkakass elektrik dapat digunakan di lokasi yang mempunyai akses terhad kepada grid tenaga elektrik nasional.

Dalam jangka panjang, inisiatif KampungDigital365.com ini akan menggalakkan pembangunan industri luar bandar dan rangkaian bekalan bernilai tambah, membuka saluran produk tempatan dan pertanian berkualiti tinggi, membuka akses kepada pasaran baharu dan memperkukuhkan penjenamaan dalam talian bagi perusahaan tempatan. Turut diusahakan ialah platform pembayaran digital untuk para peserta KampungDigital365.com, yang akan membolehkan mereka mengguna pakai teknologi e-Pembayaran dan menyimpan rekod digital yang menawarkan kemudahan, keselamatan, kepantasan dan kebolehcapaian.

Memastikan KampungDigital365.com sentiasa tersambung

Inisiatif KampungDigital365.com dikuasakan oleh perkhidmatan Hotspot WiFi jalur lebar satelit berkelajuan tinggi CONNECTme NOW daripada MEASAT, yang menyokong semua aplikasi digital dan perkhidmatan dalam talian termasuk urus niaga, komunikasi, latihan dan kes-kes kegunaan yang lain. Kerjasama antara MEASAT dan Parcel365 meningkatkan keterangkuman di kalangan komuniti luar bandar, di mana ejen CONNECTme NOW juga berkhidmat sebagai operator program KampungDigital365.com di kawasan masing-masing. Dengan rangkaian CONNECTme NOW yang ketika ini meliputi hampir 4,000 kawasan luar bandar dan pedalaman dan memberikan perkhidmatan kepada 500,000 rakyat di seluruh negara termasuk 462 kawasan Perkampungan Orang Asli³, ramai rakyat Malaysia di luar bandar akan mendapat manfaat daripada akses lebih cekap kepada ekonomi digital.

“Di MEASAT, berasaskan kedudukan kami sebagai Penyedia Perkhidmatan Jalur Lebar Luar Bandar Malaysia, kami komited untuk memastikan supaya penduduk luar bandar dan kawasan pedalaman mendapat akses kepada semua manfaat daripada ketersambungan internet berkelajuan tinggi yang boleh diyakini. Dalam era ekonomi digital yang berkembang pesat, ketersambungan adalah penting dalam usaha memperkasakan dan meningkatkan taraf hidup komuniti, terutamanya bagi mereka yang tinggal di luar kawasan pusat populasi bandar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Menerusi inisiatif KampungDigital365.com, MEASAT mengukuhkan lagi komitmen kami untuk merapatkan jurang digital, membantu memupuk semangat keusahawanan dan potensi produktiviti di kalangan pengguna CONNECTme NOW, disokong oleh penyelesaian logistik dan perniagaan yang khusus oleh Parcel365,” kata Ketua Pegawai Operasi MEASAT, Yau Chyong Lim.

Pengasas Bersama dan Pengarah Parcel365, Eddie Mok Yew Keong menambah, “Kami berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan MEASAT bagi merealisasikan potensi inisiatif KampungDigital365.com dengan sepenuhnya. Di Parcel365, kami percaya bahawa kemajuan dan pemodenan holistik negara hendaklah dibina dengan meningkatkan taraf hidup komuniti luar bandar, yang mempunyai potensi besar yang masih belum direalisasikan, terutamanya dari segi ekonomi digital. Melalui kerjasama dengan MEASAT ini, kami menyasarkan untuk mengoptimalkan infrastruktur CONNECTme NOW bagi memudahkan akses kepada pasaran yang lebih meluas di seluruh negara atau seluruh rantau bagi penduduk luar bandar, di samping

³ setakat Jun 2023

memanfaatkan sepenuhnya rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh Parcel365 dan platform lain dalam organisasi kami.”

Menjelang 2027, inisiatif KampungDigital365.com menyasarkan untuk mempunyai 3,000 kampung yang mengambil bahagian serta menjana 25 juta urus niaga e-Dagang setiap tahun. Sasaran ini mencerminkan unjuran purata kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) e-Dagang sebanyak 13% bagi Malaysia, yang mencecah nilai AS\$14 bilion menjelang 2027⁴.

Dapatkan maklumat terkini daripada MEASAT dengan mengikuti laman Facebook mereka di <https://www.facebook.com/MeasatGlobalBerhad> atau layari laman sesawang <http://www.measat.com/>.

- tamat -

Mengenai MEASAT

MEASAT adalah pembekal premium perkhidmatan komunikasi dan video kepada penyiar terkemuka, platform Terus Ke Rumah (“DTH”) dan pengendali telekom, yang beroperasi di 130 negara mewakili 80% populasi dunia di seluruh Asia, Afrika, Eropah dan Australia.

Sebagai penyedia penyelesaian satelit terkemuka di Malaysia, MEASAT menawarkan perkhidmatan yang boleh disesuaikan mengikut keperluan pelanggan perusahaan merangkumi pelbagai industri. Perkhidmatan ini termasuk hala balik selular berasaskan satelit, rangkaian VSAT dan Perkhidmatan Jalur Lebar Terurus, yang membantu pelanggan mengurus kos operasi dan risiko pelaburan dengan berkesan. MEASAT juga pakar dalam menyediakan perkhidmatan satelit yang boleh dipercayai dan selamat untuk pelanggan luar pesisir dalam sektor Maritim serta Minyak & Gas, memastikan komunikasi tidak terganggu di kawasan kritikal. Selain daripada itu, MEASAT turut menyediakan rangkaian komunikasi selamat untuk aplikasi keselamatan negara milik kerajaan.

Diiktiraf sebagai Penyedia Perkhidmatan Jalur Lebar Luar Bandar utama di Malaysia, MEASAT menawarkan perkhidmatan jalur lebar satelit CONNECTme NOW, yang membolehkan akses internet dengan mudah di kawasan luar bandar. Perkhidmatan ini merangkumi hotspot WIFI berkelajuan tinggi, yang direka khusus bagi memenuhi keperluan pengguna di kawasan yang tidak mempunyai ketersambungan internet darat. CONNECTme NOW menyediakan Kod Akses Prabayar (“PAC”) dalam pakej kecil pada harga yang berpatutan, menawarkan akses mampu milik tanpa kontrak jangka panjang atau yuran pendahuluan yang tinggi.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila kunjungi www.measat.com / connectmenow.my/

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Shawna Felicia / shawnafelicia@measat.com

Mengenai Parcel365

Parcel365 ialah sebuah platform berasaskan aplikasi yang membolehkan peniaga e-dagang, penjual dari rumah dan pengguna am menghantar dan menerima bungkusan 24/7 melalui rangkaian lokar bungkusan yang mudah digunakan dan bersambung. Ketika ini terdapat 120 lokar pintar Parcel365 di seluruh Malaysia dan ia merupakan penyedia perkhidmatan lokar bungkusan berasaskan aplikasi pertama di Malaysia yang

⁴ Statista, eCommerce – Malaysia, Jun 2023, <https://www.statista.com/outlook/dmo/e-commerce/malaysia>

menawarkan penghantaran antarabangsa dan domestik. Setakat ini, Parcel365 telah bekerjasama dengan 13 syarikat kurier dan penghantaran di dalam rangkaianannya.

Shopla365 adalah sebuah platform yang memberi tumpuan kepada produk tempatan dan e-dagang luar bandar. Platform ini menyediakan sokongan dari segi latihan dan penyelesaian perniagaan bagi peniaga di kawasan luar bandar dan pedalaman dengan tujuan meningkatkan aktiviti e-dagang di kawasan luar bandar.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila kunjungi <https://kampungdigital365.com/>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
SY Lee / sylee@shopla365.com.my